



PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	15/2/2011

## Islam tidak halang umatnya menjadi maju - Dr. Mahathir

KUALA LUMPUR 4 Feb. - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad melahirkan rasa kecewa kerana tidak ada sebuah negara Islam pun yang diklasifikasikan sebagai negara maju.

Keadaan itu katanya, banyak disebabkan oleh ketidakcekapan dalam pentadbiran kerajaan di kalangan negara Islam.

"Kita melihat adanya harapan dalam kemajuan yang ditunjukkan oleh negara seperti Turki.

"Namun negara itu juga sebenarnya masih jauh daripada menjadi salah sebuah negara maju," katanya.

Beliau berkata demikian dalam entri terbaru bertajuk *The Domino Effect* seperti yang disiarkan menerusi blognya di <http://chedet.co.cc/chedetblog/hari> ini.

Dr. Mahathir menambah, terdapat di kalangan orang Islam yang mendakwa bahawa menjadi negara Islam

yang maju bukanlah keutamaan dalam Islam.

Apa yang penting bagi mereka katanya, ialah menjadi Islamik rut tafsiran ajaran Islam mereka sendiri.

"Ini adalah salah. Kita tahu bahawa tekanan dan diskriminasi terhadap negara Islam dan orang Islam adalah disebabkan mereka lemah dan tidak berdaya saing.

"Mereka tidak mempunyai kapasiti untuk melindungi diri sendiri. Mereka juga selamanya bergantung kepada bantuan yang kebiasaannya dari negara-negara yang berkuasa.

"Bantuan itu pula bukanlah percuma, kerana negara itu terpaksa mengikut apa yang ditentukan oleh negara penderma," katanya.

Dr. Mahathir menambah, Islam ti-



DR. MAHATHIR

dak mengajar umatnya menjadi lemah dan miskin serta menjadi pengevis yang tidak mampu mempertahankan diri sendiri.

Sebaliknya kata beliau, umat Islam tidak menentang apa yang diajarkan oleh Islam dalam usaha untuk menjadi negara maju.

"Malah, apa yang kita lakukan itu (menjadi negara maju) dapat mengembalikan imej Islam yang baik dan memperbetulkan propaganda bahawa Islam menjadi punca kepada kemiskinan dan ketidakcekapan di kalangan orang Muslim.

"Mana mungkin usaha mempertahankan Islam dan orang Muslim serta mengembalikan rasa hormat kepada Islam seperti itu adalah se-

suatu yang bertentangan dengan ajaran Islam," katanya.

Dalam entri yang sama, Dr. Mahathir turut memberi pandangan mengenai revolusi politik di negara-negara Arab termasuk di Mesir yang menurut beliau akan membentuk kerajaan baru sekiranya berjaya.

Begitupun kata beliau, amat mustahak untuk diketahui bahawa perubahan juga tidak selalunya membawa ke arah kebaikan.

Tambah beliau, adalah menjadi kewajiban kepada mereka yang mencetuskan perubahan untuk memiliki pengetahuan mengenai kerajaan baru yang dimahukan.

"Jika tidak, mereka hanya akan digantikan oleh kerajaan yang sama seperti yang ditumbangkan.

"Ini kerana kebanyakan pemimpin akan berubah dan akan melupakan kepayahan serta pengorbanan yang membolehkan mereka berkuasa sebaik

sahaja bejadi di tampuk kekuasaan.

"Ia adalah korupsi kuasa seperti yang kita ketahui," katanya.

Dr. Mahathir menambah, jalan demokrasi iaitu menerusi pilihan raya boleh memastikan kepimpinan yang baru bukan daripada kalangan pemerintah diktator.

Tetapi kata beliau, sistem pilihan raya itu boleh disalah guna sekiranya pemimpin yang dipilih mengekalkan kerajaan yang tidak efektif, maka negara itu akan berada dalam keadaan yang tidak stabil.

"Untuk mengelakkan ini terjadi, setiap pengundi tidak seharusnya membenarkan diri mereka dimanipulasi.

"Mereka harus menggunakan hak memilih dengan bijaksana.

"Namun ini mungkin sesuatu yang baru bagi mereka (rakyat negara Arab) dan mereka juga mungkin tidak cukup berpengalaman dalam menggunakan kuasa memilih yang ada," katanya.

Dalam memperkatakan tentang revolusi di negara Arab itu juga, Dr. Mahathir menambah, beliau tidak cuba untuk menunjukkan seolah-olah mengetahui segalanya, jauh sekali untuk menawarkan langkah-langkah penyelesaian,

Namun jelas beliau, kerajaan baru tidak seharusnya melupakan rakyat yang berani bangkit menentang kerajaan sebelum ini.

Mereka tambah Dr. Mahathir, melakukannya kerana berharap kerajaan yang lebih baik akan menjaga kepentingan mereka.

"Saya difahamkan salah satu sebab utama ialah kerana tingginya kadar pengangguran.

"Masalah ini perlu diberi keutamaan atau nasib serupa akan berlaku kepada kerajaan baru.

"Ini memerlukan pengurusan ekonomi yang baik ke arah pencipta lebih banyak peluang pekerjaan," katanya.